

17 APR 1996

DR MAHATHIR BERUCAP DI MAJLIS MAKAN TENGAH HARI DI ZAGREB

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap di majlis makan tengah hari di sini esok, yang dijangka dihadiri oleh kira-kira 250 orang terdiri daripada peniaga-peniaga terkemuka Croatia serta para pegawai dari pelbagai kementerian di Croatia.

Dr Mahathir akan menjawab soalan-soalan dari hadirin pada majlis makan tengah hari itu yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bersempena dengan lawatan rasmi sehari perdana menteri ke Croatia.

Beliau diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ini akan diikuti oleh pementerian beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian usaha sama antara syarikat-syarikat Malaysia dan syarikat-syarikat Croatia.

Yang turut serta dalam rombongan perdana menteri termasuklah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Rombongan dagangan terdiri daripada 14 orang usahawan terkemuka Malaysia diketuai oleh pengerusi Hicom Bhd Datuk Seri Yahaya Ahmad.

Sementara itu, di pameran Keluaran Buatan Malaysia yang berlangsung selama lima hari di Zagreb, para pelawat mengunjungi gerai-gerai Malaysia untuk melihat secara lebih dekat kereta keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Bhd untuk pasaran Croatia. Dua varian Proton Wira diperagakan.

Para pegawai Matrade pula yang diketuai oleh Ketua Eksekutifnya, Haji Samsuddin Marsop bertungkus lumus bagi memastikan semuanya berjalan lancar.

Peserta pameran Malaysia yang mengambil bahagian di pameran Zagreb mula memperagakan keluaran masing-masing mulai Isnin lalu.

Di sebuah hotel bertaraf lima bintang, Inter-Continental Hotel, Matrade bersama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia menganjurkan Pesta Makanan dan Kebudayaan Malaysia yang berakhir pada 20 April.

Sejumlah 28 buah syarikat mengambil bahagian di Pameran Keluaran Malaysia, termasuklah Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), Sapura Holdings Bhd, Sime Darby Bhd dan Berjaya Group Bhd. -- BERNAMA

SS MA